

KEBERKESANAN **PENGURUSAN SUKAN
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERT PERLIS**

**Kertas Projek Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Siswazah
Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan Bagi Ijazah Sarjana Sains
(Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.**

Oleh

Elias Bin Talib



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

ELIAS BIN TALIB

calon untuk Ijazah

(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk

(has presented his/her project paper of the following title)

KEBERKESANAN PENGURUSAN SUKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH

NEGERI PERLIS.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia

(Name of Supervisor): Prof. Madya Lt. Kol. Abd. Rahman Mustafa

Tandatangan
(Signature)

: 

Tarikh
(Date)

: 29/08/2000

KEBENARAN MENGGUNAKAN KERTAS PROJEK

Kertas projek ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.

Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Sekiranya sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk akademik perlulah mendapat kebenaran penyelia kertas projek atau Dekan Sekolah Siswazah terlebih dahulu.

Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik.

Pernyataan bertulis kepada penulis atau pihak Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika kertas projek ini dijadikan rujukan.

Permohonan untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah melalui ;

Dekan,
Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010, Sintok,
Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Keberkesanan pengurusan sukan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah menengah sering menjadi topik perbahasan. Usaha-usaha untuk mengkaji keberkesanan pengurusan sukan di sekolah-sekolah menengah telah menunjukkan bahawa terdapat korelasi diantara pentadbir, guru-guru dan pelajar yang terlibat. Kajian yang telah dijalankan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat serta mengenalpasti samaada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor perancangan sukan sekolah, penyertaan pelajar, kemudahan dan peralatan, kepimpinan dan pengelolaan serta pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan di sekolah-sekolah menengah dalam negeri Perlis. Faktor-faktor demografi seperti jantina, umur, kelulusan, tempoh berkhidmat sebagai guru, tempoh berkhidmat di sekolah berkenaan, pendedahan kepada kursus sukan dan penglibatan dalam jawatankuasa kokurikulum sekolah digunakan untuk melihat perkaitan dengan keberkesanan pengurusan sukan di sekolah itu. Populasi kajian ini adalah terdiri dari guru-guru di sekolah-sekolah menengah dalam negeri Perlis. Seramai 276 orang guru telah dipilih secara persampelan rawak berstrata. Instrumen kajian adalah dengan menggunakan soal selidik yang menguji keberkesanan pengurusan sukan di sekolah-sekolah menengah dalam negeri Perlis. Data yang diperolehi dari soal selidik dan dianalisis dengan bantuan “Statistical Packages For The Sosial Sciences (SPSS)”, edisi 7.5 menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan diantara faktor perancangan sukan sekolah, penyertaan pelajar, kemudahan dan peralatan sukan, kepimpinan dan pengelolaan serta pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan di sekolah. Namun begitu hasil analisis berdasarkan kepada min dan sisihan piawai faktor kepimpinan dan pengelolaan merupakan faktor utama yang dipilih oleh responden dalam mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan. Ianya diikuti oleh faktor penyertaan pelajar, faktor sumber tenaga manusia, faktor kemudahan dan akhirnya faktor perancangan. Hasil ujian korelasi yang dijalankan wujud saling kebergantungan antara faktor-faktor yang tersebut itu dalam menentukan keberkesanan pengurusan sukan.

ABSTRACT

The effects of sports management in secondary schools has long been the subject of debate. Efforts to examine the effects of sports management in secondary schools have reported correlation between the administrator, teachers and the students. The purpose of this study is to find the information and to identify whether there is a significant correlation between the factors such as the schools sports programing, students involvement, sports facilities, leadership and staffing with the effectiveness of the sports management in Perlis secondary school. Demografic factors like gender, age, academic qualification, year of service as a teacher, course exposure and involement as a comitee members of school co-curricular activities were use to see the relationship. Population of the study consits of Perlis secondary school teachers. A total of 276 teachers were chosen as a sample. A questionnaire was use as a study instrument to test about the effectiveness of sports management in Perlis secondary school. The data that was colected from the questionnaire and analyse by using Statistical Packages For The Sosial Sciences(SPSS), 7.5 edition showed that there was a positif relationship between school sports programming, students involvement, sports facilities, leadership and staffing with the effectiveness of sports management in the school. However when the mean and standard deviation is compared among the factors, findings showed that leadership is the main factor that effects the school sports management. The second factor was student involement followed by staffing, facilities and programming. The test of correlation showed that there is a positive corelation among the factors that was use to determined the effectiveness of the school sports management.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinnya projek sarjana ini dapat disiapkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya, Lt. Kol, Hj. Abd. Rahman Mustafa yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sehingga projek ini dapat disiapkan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Ibrahim Ahmad bajunid, bekas Pengarah Institut Aminuddin Baki dan Prof. Madya Dr. Ibrahim Abd. Hamid, Dekan Sekolah Siswazah yang berjuang untuk menjayakan program sarjana IAB/UUM ini.

Terima kasih juga dirakamkan kepada guru-guru di sekolah-sekolah dalam negeri Perlis kerana memberi kerjasama dalam melengkapkan kajian ini. Dikesmpatan ini juga saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada rakan-rakan sekuliah, Kohort 8, serta pensyarah-pensyarah IAB,UUM yang telah mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di UUM.

Akhir sekali diucapkan ribuan terima kasih yang teristimewa kepada semua keluarga terutama isteri, Aishah Bt Dahuli dan anak-anak, Syamel Ezhar, Syamilah Ezzati, Syahirah Azziyati dan Shazwan Izzat yang banyak bersabar serta memberi dorongan dan sokongan.

Semoga Allah S.W.T. sentiasa memberkati segala usaha kita semua. Sekian.

Elias Bin Talib
No 491, Jalan Alor Sena
01000, Kangar,
Perlis.

Khusus buat

Isteri tersayang,
Yang sentiasa memberi perangsang,

Anak-anak
Syamel Ezhar,
Syamilah Ezzati,
Syahirah Azziyati,
Dan Syazwan Ezzat.

Semoga kalian dapat mengikut
jejak abah mu ini.

KANDUNGAN

	Perkara	Muka Surat
	Kebenaran menggunakan kertas projek	ii
	Abstrak	iii
	Abstract	iv
	Penghargaan	v
	Dedikasi	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Jadual	
	Senarai Rajah	
BAB I	Pengenalan	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Penyataan Masalah	4
1.2	Objektif Umum	6
1.2.1	Objektif Khusus	6
1.3	Kepentingan Kajian	7
1.4	Hipotesis Kajian	8
1.5	Batasan Kajian	10
BAB II	Ulasan Karya	
2.0	Pendahuluan	12
2.1	Ulasan teori	12
2.2	Pendekatan Pengurusan Islam	17
2.3	Pendekatan Pengurusan dalam Sukan	23

BAB III REKABENTUK KAJIAN DAN METADOLOGI

3.0	Pendahuluan	32
3.1	Definisi Operational	34
3.2	Kerangka Konseptual	35
3.3	Pembentukan Hipotesis	36
3.4	Jenis Kajian	37
3.5	Jangkamasa Kajian	37
3.6	Lokasi Kajian	37
3.7	Populasi dan Persampelan	38
3.8	Instrumen Kajian	39
3.9	Pengumpulan Data	40
3.10	Rekabentuk Soal Selidik	41
3.11	Kajian Rintis	45
3.12	Analisis Data	46
3.13	Rumusan Rekabentuk Kajian	47

BAB IV HASIL KAJIAN

4.0	Pengenalan	48
4.1	Maklumat Ujian Kebolehpercayaan	48
4.2	Maklumat Demografi	49
4.3	Maklumat Mengenai Penglibatan Responden Dalam Aktiviti Sekolah	52
4.4	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Rekabentuk Pengurusan Sukan	55
4.4.1	Kepimpinan dan Pengelolaan	56
4.4.2	Penyertaan Pelajar	57
4.4.3	Pemilihan dan Latihan Sumber Tenaga Manusia	58

4.4.4	Kemudahan dan Peralatan Sukan	59
4.4.5	Perancangan Sukan	60
4.4.6	Kebergantungan Antara Faktor-Faktor Dalam Menentukan Keberkesanan Pengurusan Sukan	61
4.5	Pengujian Hipotesis	62
4.5.1	Pengenalan	62
4.5.2	Pengujian Hipotesis 1	63
4.5.3	Pengujian Hipotesis 2	64
4.5.4	Pengujian Hipotesis 3	65
4.5.5	Pengujian Hipotesis 4	66
4.5.6	Pengujian Hipotesis 5	67
4.6	Kesimpulan	69

BAB IV KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	70
5.1	Kesimpulan	70
5.2	Cadangan	72
5.3	Rumusan	74

BIBLIOGRAFI	75
--------------------	----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
3.1 Senarai Skala Likert Perancangan Sukan Sekolah	42
3.2 Senarai Skala Likert Penyertaan Pelajar	42
3.3 Senarai Skala Likert Kemudahan dan Peralatan Sukan	43
3.4 Senarai Skala Likert Kepimpinan dan Pengelolaan	44
3.5 Senarai Skala Likert Pemilihan dan Latihan Sumber Tenaga Manusia	44
3.6 Koefisien Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	46
4.1 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Pembolehubah	49
4.2 Perbandingan Di Antara Aspek Responden Pernah Mengikuti Kursus Sukan dan Penglibatan Dalam Jawatankuasa Gerak Kerja Sekolah dengan Faktor Demografi	54
4.3 Ranking Faktor-Faktor Utama Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengurusan Sukan	56

4.4	Ranking Item-Item Dalam Faktor Kepimpinan Dan Pengelolaan	57
4.5	Ranking Item-Item dalam Faktor Penyertaan Pelajar.	58
4.6	Ranking Item-Item dalam Faktor Pemilihan Dan Latihan Sumber Tenaga Manusia	59
4.7	Ranking Item-Item dalam Faktor Kemudahan dan Peralatan Sukan.	60
4.8	Ranking Item-Item dalam Faktor Perancangan Sukan	61
4.9	Ujian Korelasi Di Antara Faktor-Faktor Yang Diuji	62
4.10	Ujian One sample T Test Bagi Faktor Perancangan Sukan	64
4.11	Ujian One Sample T Test Bagi Faktor Penyertaan Pelajar.	65
4.12	Ujian One Sample T Test Bagi Faktor Kemudahan Dan Peralatan Sukan.	66
4.13	Ujian One Sample T Test Bagi Faktor Kepimpinan Dan Pengelolaan	67

4.14	Ujian One Sample T Test Bagi Faktor Pemilihan Dan Latihan Sumber Tenaga Manusia	68
------	--	----

SENARAI RAJAH

RAJAH	Muka Surat
4.1 Kategori Umur Responden	50
4.2 Taraf Kelulusan Akademik Responden	50
4.3 Tempoh Responden Berkhidmat Sebagai Guru	51
4.5 Tempoh Perkhidmatan Responden Di Sekolah Sekarang	52

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Matlamat menjadikan sebuah negara maju menjelang tahun 2020 boleh dilaksanakan melalui pembangunan sumber manusia yang lengkap, seimbang dan bersepadu. Wadah utama kepada pembangunan sumber manusia pula sudah pasti sebahagian besarnya bergantung kepada sistem pendidikan negara. Dari segi pendekatan dan pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia sememangnya diwujudkan untuk semua merangkumi segenap golongan masyarakat tanpa mengira batas sosial, ekonomi, politik ataupun perbezaan geografi. Menurut Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (1993) :

“.....ruang untuk kita melaksanakan pendemokrasian pendidikan dengan makna bahawa setiap anak bangsa kita khususnya anak-anak daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah, anak-anak di luar bandar dan pedalaman, memperolehi pendidikan berkualiti.”

(Pendidikan Profesional, 1993 hal2)

Abdullah Hj. Ahmad Badawi (1990) menegaskan bahawa matlamat Dasar pelajaran Kebangsaan ialah untuk mengujudkan satu bangsa bercorak Malaysia yang bersatu padu dan dihormati. Untuk mencapai hasrat ini generasi muda perlulah diberi pendidikan yang seimbang dan sempurna. Pendidikan yang sempurna menekankan kepada dua aspek yang sentiasa dikaitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran

iaitu kurikulum dan kokurikulum. Gerak kerja kokurikulum sekolah boleh dikelompokkan kepada tiga jenis iaitu pergerakan pakaian seragam, persatuan atau kelab dan sukan. Bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran ketiga-tiga komponen ini berjalan dengan lancar dan berkesan pihak pentadbir sekolah perlulah memberi penekanan terhadap konsep yang diutarakan oleh beberapa orang ahli pengurusan.

Mengikut Abd. Aziz Abd Rahman (1994), pengurusan melibatkan perancangan, menetapkan objektif, membuat ramalan dan pengunjuran, menganalisis masalah dan membuat keputusan. Pengurus pula pada asasnya melakukan dwi peranan yang bertindih (Tom Reeves, 1994). Pengurus perlu terus melaksanakan tugas yang telah ditetapkan disamping itu perlu melakukan inovasi dan perubahan untuk kemajuan organisasi. Mengikut Robbins (1998) terdapat empat fungsi pengurusan yang boleh diamalkan oleh seseorang pengurus iaitu perancangan, penyelarasan, kepimpinan dan kawalan. Mengikut Kenneth G. Tillman dan rakan-rakan(1996), jika misi sukan hendak dicapai, rancangan-rancangannya hendaklah diadakan dalam bentuk yang jelas dan tersusun. Rancangan ini perlulah dipertanggungjawabkan kepada individu yang mempunyai minat dan latarbelakang bidang kokurikulum atau sukan.

Sukan di sekolah merupakan tempat bagi pelajar-pelajar mengasah bakat dan potensi untuk mencari kecemerlangan. Sekolah merupakan kilang untuk mengeluarkan atlet-atlet yang cemerlang dalam bidang sukan seterusnya meningkatkan produktiviti negara serta mengujudkan kerjasama dalam masyarakat. Mohd Nor Che Noh (1984) memberi pandangan nya tentang fungsi sukan. Menurut beliau sukan adalah sesuatu yang baik dan guru-guru atau penyelarassukan bertanggungjawab merangka program-program yang dapat membantu murid-murid membina kecergasan fizikal

dan kemahiran-kemahiran tertentu disamping menggalakkan murid-murid mengamalkan cara hidup sihat.

Kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel Ke-XVI pada tahun 1998 memberi implikasi positif kepada bidang pendidikan khususnya bidang sukan. Dengan mengambil bahagian acara-acara sukan bertaraf dunia seperti Sukan Komanwel ini membuktikan bahawa sukan bukan lagi merupakan aktiviti sampingan dan riadah semata-mata tetapi kini telah diiktiraf sebagai suatu komoditi bertaraf antarabangsa dari perspektif ekonomi dan sebagai bidang kerjaya dari perspektif sumber pendapatan. Sukan bukan lagi aktiviti bermain-main tetapi perjuangan menuntut kesungguhan, komitmen, disiplin, pengorbanan, kemahiran, kepakaran dan ketahanan emosi yang tinggi. Leonard A. De Vries(1996) menegaskan bahawa sukan untuk semua adalah bertujuan untuk mendorong pelajar-pelajar bermain dan menikmati sukan serta mewujudkan gaya hidup sihat. Kemahiran dan kemenangan adalah prioriti utama dalam program ini tetapi meningkatkan jumlah penyertaan pelajar dan mengekalkan seberapa banyak pelajar untuk minat bermain adalah faktor penting.

Pengurusan sukan memainkan peranan yang penting bagi pembangunan sukan di sekolah (Omardin Ashaari,1998). Dengan mewujudkan sistem dan program pengurusan sukan kepada pemimpin sukan di sekolah maka adalah diharapkan pemimpin ini akan berjaya menggerakkan sukan secara berkesan disekolah. Di Amerika Syarikat sukan dianggap sebagai satu fenomena sosial dan sukan adalah sebahagian dari kurikulum pendidikan yang tidak dipisahkan (Athanasios Laios,1995). Tidak hairanlah Amerika Syarikat begitu menitikberatkan pengurusan

sukan baik diperingkat sekolah maupun antarabangsa. Menurut Mohd Zaki Abd Rahman(1996) dalam kertas kerja Pembangunan Kemudahan Sukan, pengurusan sukan bukan lagi setakat menyelenggara dan menguruskan alatan atau sewaan oleh pengguna. Pada amnya prinsip pengurusan sukan adalah sama dengan amalan dan prinsip pengurusan yang diamalkan bagi lain-lain bidang yang memerlukan tindakan seperti perancangan, pemasaran, harga, dan promosi. Marcia L. Walker (1997), menegaskan bahawa untuk menguruskan program pembangunan sukan dengan berkesan perlukan pengetahuan dalam bidang pengurusan kemudahan sukan . Dalam pengurusan sukan di sekolah adalah penting individu yang terlibat seperti pentadbir, guru , kakitangan sokongan dan pelajar memahami keperluan dan permintaan sukan untuk negara. Oleh itu mereka yang terlibat dalam sukan akan terasa bertanggungjawab untuk mengorak langkah bagi memajukan sukan dikalangan masyarakat.

1.1 Penyataan Masalah

Pengurus sekolah yang baik ialah seorang pengurus yang menekankan kepada dasar kerjasama dan ia mendapat sokongan dari semua ahli yang ada di dalam sekolah (Fifler dan Bowles, 1989). Di samping itu pengurus sekolah juga harus mempunyai kemahiran asas yang kukuh serta memiliki kemahiran menangani berbagai masalah guru. Ini akan melicinkan tugas mereka sebagai pengurus sekolah yang berkesan (Hargreaves dan Fullan,1992).

Amalan perancangan dan pelaksanaan yang diamalkan di sekolah ialah amalan yang berdasarkan pemikiran dan tindakan tradisional yang bersifat birokratik. Implikasinya sistem persekolahan telah mengalami proses pembirokrasian yang berlebihan (Wan Mohd.Zahid Wan Mohd Noordin, 1993). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini pelaksanaan aktiviti sukan di sekolah-sekolah semakin kurang memberangsangkan khususnya jika dinilai dari perspektif pendidikan bersepadu dan menyeluruh.(Ramlan Abd. Wahab,1999). Kebanyakan dari aktiviti yang dijalankan terutamanya komponen sukan lebih cenderung sekadar memenuhi keperluan dan arahan pentadbiran seperti yang diprogramkan dalam takwim sekolah. Ada aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersifat 'ad hoc' tanpa sebarang skema pelaksanaan yang komprehensif meliputi aspek-aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Dalam pada itu penglibatan dan penyertaan para pentadbir, guru dan pelajar dalam pelaksanaan aktiviti sukan di sekolah umumnya hanyalah pada tahap minimum.

Tanggapan bahawa aktiviti sukan adalah tidak sepenting aktiviti akademik masih membelenggu komitmen kebanyakan pentadbir, pengurus, guru-guru, para pelajar dan ibu bapa. Menteri pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak (Aznan Bakar, Utusan Malaysia, 1999) berkata pemilihan pelajar ke tingkatan satu Sekolah Berasrama penuh mulai tahun 2000 akan bergantung kepada pencalonan oleh pihak sekolah berdasarkan tujuh kriteria utama yang akan menitik-beratkan aspek kepimpinan serta penglibatan dalam kokurikulum, selain kecemerlangan akademik. Oleh itu pihak sekolah menengah perlu memberi penekanan penting dalam aspek kokurikulum dan pengurusan sukan harus ditingkatkan.

Abd. Shukor Abdullah(1991) menyatakan bahawa terdapat dua pengaruh penting dalam menentukan struktur pengurusan organisasi iaitu pengaruh teknologi dan pengaruh persekitaran luaran dan dalaman.

Dalam konteks sukan di Perlis, hasil tinjauan yang dibuat keseluruhan kemudahan yang ada begitu terhad baik dari segi teknologi maupun tenaga manusia. Hasil temubual pengkaji dengan Setiausaha Agung Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perlis beliau berpendapat bahawa tahap kecemerlangan sukan di negeri Perlis masih ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Terdapat berbagai faktor yang melibatkan kemunduran sukan di negeri Perlis. Dengan itu kajian ini memberi perhatian terhadap keberkesanan pengurusan sukan di sekolah-sekolah menengah dalam negeri Perlis.

1.2 Objektif Umum

Objektif umum kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pengurusan sukan dalam gerak kerja kokurikulum di sekolah-sekolah menengah negeri Perlis.

1.2.1 Objektif Khusus

Objektif-objektif khusus adalah untuk melihat beberapa perkara seperti berikut;

- i. Perancangan yang dibuat oleh jawatankuasa sukan sekolah adalah rapi dan diuruskan dengan sempurna.
- ii. Sejauh mana penyertaan pelajar dan guru-guru dalam kegiatan sukan di sekolah.
- iii. Penyediaan dan penggunaan kemudahan sukan serta kawalan yang dibuat dalam menjalankan aktiviti sukan sekolah.
- iv. Keberkesanan kepemimpinan dan pengelolaan pengurus sukan dalam melaksanakan program sukan sekolah.
- v. Pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dalam menjayakan aktiviti sukan sekolah.

1.3 Kepentingan Kajian

Omardin Ashaari (1998) menjelaskan bahawa sukan perlu bergerak melalui perancangan yang sejajar dengan Dasar Sukan Negara dan dapat pula memenuhi keperluan semasa. Berbagai-bagai kekurangan dan kelemahan dalam jentera pengurusan sukan perlu diatasi segera. Kegiatan dan program bukan saja tertumpu dalam melaksanakan pertandingan tetapi perlu merancang aktiviti pembangunan, kepimpinan, latihan, penyelenggaraan dan bakat.

Wan Mohd Zahid (1993), menjelaskan bahawa diantara pengurusan dan kepimpinan wujud satu simpulan jalinan yang akrab dan sepadu. Pengurusan yang baik cekap dan berkesan mencerminkan kepimpinan yang berwibawa dan berkualiti. Salah satu dari program sukan di sekolah adalah untuk memberi peluang kepada seberapa ramai

pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukan (Omardin Ashaari,1996). Keberkesanan pelaksanaan gerakerja kokurikulum untuk bidang sukan dan permainan di sekolah bergantung kepada guru yang bertanggungjawab dengan tugas dan melaksanakan aktiviti itu (Abd Alim Abdul Rahman, 1994).

Athanasios Laios (1995) dalam artikelnya "School verses non school sports" menjelaskan bahawa salah satu keistimewaan sukan di sekolah Amerika Syarikat ialah pelajar atau atlet menunjukkan minat atau dedikasi yang mendalam terhadap sukan kerana selain dari pencapaian akademik, pencapaian sukan diambil kira sebagai kriteria mendapatkan biasiswa seterusnya melanjutkan pelajaran ke Universiti.

Jerome S. Arcaro (1995) menyatakan bahawa setiap warga organisasi sekolah perlu sedar bahawa setiap hasil pendidikan ada pelanggan. Mohd Nor Che Noh (1996) dalam kertas kerja " The role of Sport For All In Malaysian Sport menjelaskan bahawa sukan memainkan peranan penting dalam mewujudkan kejeleketan, produktiviti dan pembangunan nasional. Adalah diharapkan hasil dapatan kajian ini akan dapat membantu dan memberi maklumbalas kepada pihak pengurusan baik di Jabatan pendidikan Negeri, Daerah, atau sekolah tentang pengurusan sukan; adakah dilaksanakan secara berkesan dan sempurna.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah berhubung rapat dengan objektif kajian kerana dari hipotesis

kajian akan menghasilkan dapatan yang cuba memenuhi kehendak atau tujuan kajian.

Hipotesis kajian ini ialah;

Hipotesis 1

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor perancangan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor perancangan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Hipotesis 2

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor penyertaan pelajar dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor penyertaan pelajar dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Hipotesis 3

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemudahan dan peralatan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemudahan dan peralatan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Hipotesis 4

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepimpinan dan pengelolaan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepimpinan dan pengelolaan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Hipotesis 5

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan.

1.5 Batasan Kajian

Kajian bersifat deskriptif ini cuba mencari penjelasan tentang keberkesanan pengurusan sukan terhadap beberapa faktor seperti perancangan, penyertaan pelajar, kemudahan dan peralatan sukan, kepimpinan dan pemilihan sumber tenaga manusia.

Kajian ini mungkin tidak boleh digeneralisasikan untuk keseluruhan guru-guru di Malaysia. Walau bagaimana pun ia boleh dijadikan ukuran untuk melaksanakan pengurusan sukan dengan lebih efektif lagi.

Kajian ini mengambil kira guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah menengah dalam negeri Perlis. Sekolah-sekolah menengah yang dipilih adalah terdiri dari sekolah bantuan penuh kerajaan . Guru-guru yang akan dipilih menjadi sampel kajian adalah merangkumi guru-guru kategori DG2, DG3, DG5 dan DG6. Terdapat dua puluh buah sekolah menengah dalam negeri Perlis dengan bilangan gurunya seramai seribu tiga ratus empat puluh tujuh orang.

BAB II

ULASAN KARYA

2.0 Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini akan ditumpukan kepada aspek pengurusan Sukan kerana kefahaman yang jelas tentang pengurusan sukan amatlah berguna dalam kajian ini. Ini adalah disebabkan kajian ini bertujuan untuk melihat tahap keberkesanan pengurusan sukan di sekolah-sekolah menengah dalam negeri Perlis. Ulasan karya-karya yang berkaitan dengan pengurusan sukan akan memantapkan dan mengukuhkan lagi pentingnya pengurusan sukan yang efisien. Perbincangan dalam bab ini juga meliputi pengurusan secara am dan teori-teori pengurusan yang diamalkan sejak zaman pra pengurusan lagi.

2.1 Ulasan teori.

Pengurusan merujuk kepada satu set kegiatan yang direkabentuk untuk mengarah dan melaksanakan kerja-kerja atau tugas yang ditentukan (Husein Hj. Ahmad, 1991). Apabila individu itu berkumpul bersama-sama dalam satu hubungan yang formal, seperti dalam sesebuah organisasi maka pengurusan menjadi satu bidang aktiviti yang utama (Ahmad Atory Husein, 1993). Bagaimana pun organisasi pada masa kini masih menjadikan teori-teori pengurusan sebagai panduan dalam sistem pengurusan organisasi.

Umumnya organisasi mempunyai tiga tingkat pengurusan dengan kemahiran-kemahiran tertentu (Katz, 1974). Para pengurus tingkat pertama hanya memberi arahan kepada pekerja operasi dan mereka tidak menyelia pengurus-pengurus lain. Pengurus tingkat kedua pula mengarahkan aktiviti-aktiviti para pengurus lain dan ada kalanya mengarahkan juga pekerja operasi. Tanggungjawab utama para pengurus tingkat kedua ialah mengarahkan aktiviti-aktiviti yang melaksanakan polisi-polisi organisasi dan mengimbangkan tuntutan pihak atasan. Manakala pengurusan tingkat ketiga atau pengurusan atasan bertanggungjawab bagi keseluruhan pengurusan organisasi. Mereka menetapkan polisi-polisi berhubung dengan operasi dan interaksi organisasi dengan persekitaraannya.

Fayol (1841) telah memperkenalkan lima fungsi asas pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, pengarahan, penyelarasan dan pengawalan. Manakala Gulick dan Urwick (1937) pula telah memberikan beberapa garis panduan fungsi seorang pentadbir. Antara fungsi seorang pentadbir ialah:

- i. Perancangan
- ii. Pengorganisasian
- iii. Kakitangan
- iv. Arahan
- v. Penyelarasan
- vi. Pelaporan

vii. Belanjawan

Seterusnya Fayol(1841) telah menyenaraikan empat belas prinsip pengurusan yang beliau "paling kerap terpaksa menggunakannya". Empat belas prinsip pengurusan itui ialah :

1. Pembahagian Buruh
2. Autoriti
3. Disiplin
4. Keesahan Perintah
5. Keesahan Arahan
6. Penundukan Kepentingan Individu kepada Faedah Bersama
7. Imbuhan
- 8 Pemusatan
9. Hieraki
10. Ketertiban
11. Kesaksamaan
- 12 Kestabilan Kakitangan

13 Inisiatif

14 Semangat Kerjasama.

Fungsi-fungsi pengurusan dan prinsip-prinsip pengurusan yang telah diutarakan oleh Fayol boleh digunakan untuk semua jenis aktiviti kumpulan dan telah didapati semakin penting pada masa kini baik di sekolah, jabatan kerajaan dan institusi-institusi lain. Walaupun teori organisasi klasik telah dikritik oleh para ahli pemikiran pengurusan yang lain tetapi perspektifnya lebih diterima baik oleh para pengurus berbanding dengan aliran pemikiran yang lain. Ini mungkin disebabkan teori organisasi klasik membantu mengasingkan bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan praktik pengurus yang terlibat dalam pelaksanaan kerja. Malah lebih penting dari yang lain-lainnya, aliran pemikiran organisasi klasik membangkitkan isu-isu yang dikira penting bagi para pengurus. Isu-isu ini menyebabkan para pengurus menyedari tentang jenis-jenis masalah asas yang pasti akan mereka hadapi dalam mana-mana organisasi.

Taylor (1947) yang di gelar " Bapa Pengurusan Saintifik" menyatakan bahawa terdapat tiga prinsip asas untuk meningkatkan produktiviti pekerja. Prinsip pertama ialah memberi pekerja satu tugas yang jelas untuk dilaksanakan dalam masa dan kaedah yang telah ditentukan. Prinsip kedua ialah memilih pekerja yang paling sesuai dengan tugas. Manakala prinsip ketiga ialah memotivasikan pekerja untuk mencapai hasil yang maksimum. Berdasarkan teori pengurusan saintifik ini para pengurus sukan sekolah haruslah menggunakan kaedah saintifik kerana setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan melalui kajian dan bukannya melalui pengalaman sahaja.

Henry L. Gantt(1861), beranggapan bahawa tugas yang tidak memuaskan atau tidak berkesan yang dihasilkan oleh seseorang individu dan kadar insentif upah bagi setiap produk adalah berasaskan kepada keadaan tugas dan kadar upah yang dilakukan oleh pekerja terdahulu atau berdasarkan kepada pandangan seseorang mengenai apa yang boleh dilakukan oleh pekerja. Bagi Gantt pandangan ini harus diubah kepada penelitian terhadap pengetahuan saintifik mengenai apa yang boleh dilakukan oleh seseorang individu. Bersasarkan rasional ini, Gantt berusaha memperbaiki organisasi melalui inovasi penjadualan tugas dan ganjaran terhadap inovasi.

Pendekatan hubungan manusia(Lunenberg dan Ornstein, 1991) lebih menitikberatkan aspek individu dan perhubungan antara anggota-anggota dalam organisasi. Pendekatan ini menjelaskan bahawa masalah utama bagi sesuatu organisasi adalah berkait rapat dengan elemen manusia. Ia berkait rapat bagaimana organisasi membentuk dan menyenggarakan perhubungan yang dinamik dan harmoni di kalangan anggota. Seorang pengurus tidak harus mementingkan hasil pengeluaran semata-mata tanpa menimbangkan tenaga yang mebuahkan hasil itu. Prinsip-prinsip yang dikemukakan dalam pendekatan hubungan manusia amat sesuai sekali diaplikasikan oleh pengurus sukan sekolah.

Teori yang dikemukakan oleh McGregor(1960) telah mengutarakan dua set andaian yang berlainan dengan tingkah laku manusia. Andaian ini dikenali sebagai teori X dan teori Y. Menurut teori X merupakan satu pandangan tradisional terhadap kawalan dan pengarahannya manakala teori Y merupakan satu gabungan atau interaksi di antara matlamat individu dengan matlamat organisasi.

Manusia dalam golongan Teori X dijelaskan sebagai manusia yang pemalas, tidak kreatif, tidak boleh diharap dan suka diarah serta agresif. Oleh itu tindakan melalui disiplin perlu dilaksanakan untuk membolehkan tenaga mereka digembelikan selaras dengan matlamat organisasi. Sementara manusia dalam golongan Teori Y sedia menerima sebarang tugas, sangat bertanggungjawab boleh diharapkan dan boleh bertindak secara kreatif apabila menghadapi masalah.

Teori pengurusan Hawthorne(dalam Hawthorne dan Saredra,1990) pula menjelaskan bahawa peningkatan produktiviti oleh pekerja bukan hanya bergantung kepada reka bentuk kerja atau ganjaran kewangan tetapi pekerja memerlukan sokongan sosial dan psikologi. Sokongan sosial dan psikologi dianggap penting kerana pekerja adalah sebahagian daripada ahli dalam organisasi. Oleh itu perasaan diterima dan dihargai sangat dituntut oleh pekerja. Malahan kebebasan, keadilan untuk berubah dan pertolongan juga diperlukan. Adalah jelas bahawa dengan memahami teori Hawthorne para pengurus sukan akan mendapat panduan bagaimana meningkatkan produktiviti.

2.2 Pendekatan Pengurusan Islam

Ide pengurusan dalam Islam mula berkembang sejak zaman nabi Muhammad S.A.W diutuskan. Firman Allah yang bermaksud :

Wahai (Muhammad) pesuruh-Ku, sampaikan apa yang telah diturunkan kepada mu dari Tuhan mu dan jika tidak engkau lakukan maka bermakna engkau tidak menyampaikan.

(al-Maidah:67)

Ide pengurusan dalam Islam adalah berasaskan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis dengan mengambil kira nilai-nilai kemanusiaan yang diamalkan oleh masyarakat pada masa itu. Matlamat ini sudah hampir tercapai pada masa itu tetapi terbengkalai disebabkan oleh pengurusan yang diamalkan pada masa itu tidak mengikut syariat Islam sedangkan Islam itu mempunyai ciri-ciri kesempurnaan yang menyeluruh dan kebenaran yang mutlak. Pengurusan yang dimaksudkan oleh Islam ialah pengurusan itu merupakan satu kajian ilmiah dan juga satu kesenian yang bergantung kepada bakat dan kebolehan seseorang yang akan menjadi pengurus (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991).

Mengikut Shaharom T.M.Sulaiman,1997, Tauhid ialah asas kepada pengurusan dan pentadbiran. Perspektif Tauhid amat berbeza dengan pendekatan pengurusan moden samaada dikembangkan di Barat maupun di Timur. Pengurusan moden melihat manusia sebagai haiwan ekonomi yang bertugas hanya untuk memuaskan nafsu ekonomi dan berminat hanya untuk memenuhi kehendak dan objektif organisasi. Maka lahirlah pemikiran baru didalam pengurusan iaitu “organizational development”. Dengan kata lain pengurusan moden mengakui kepentingan faktor manusia di dalam organisasi serta berminat untuk mengkaji perilaku manusia, sifat dan tabiat semula jadi manusia.

Yusuf Ismail, 1991, menegaskan bahawa aqidah Tauhid atau Iman adalah unsur terpenting dalam model pengurusan Islam. Aqidah Tauhid bukan saja membentuk pengurus dan pekerja malah persekitaran di dalam dan di luar organisasi. Pengurus yang komited terhadap Islam akan cenderung menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya. Pengurus dan kakitangan organisasi yang bersungguh-sungguh mengamalkan Islam akan meneruskan amalan di dalam dan di luar organisasi mereka. “Output” yang dihasilkan mereka mencerminkan darjah kefahaman dan komitmen mereka pada aqidah ini. Akibatnya manfaat yang dihasilkan oleh aqidah ini tercermin pada “output” yang digunakan oleh orang awam. Dari pandangan Islam kita dapat rumuskan dengan yakin bahawa pengurusan dan organisasi hanya bernilai jika ianya bersandarkan konsep-konsep tauhid dan diperingkat operasinya melanjutkan konsep-konsep khilafah, amanah dan ibadah (Mohd Shahr bin Sidek, Intan).

Mengikut Syed Othman Al Habshi, 1989, Islam sebenarnya berteraskan Keesahan Allah Tuhan Yang Maha Besar atau Tauhid. Tauhid juga menjadi teras kepada aqidah seseorang dan sebarang perlakuan sama ada melalui niat, perkataan atau perbuatan yang membesarkan lain dari Allah akan membatalkan aqidah kita. Oleh kerana segala kegiatan manusia termasuk pengurusan harus sentiasa berpanduan kepada Tauhid ini maka dengan sendirinya falsafah Islam yang utama dalam pengurusan ialah Tauhid itu sendiri. (Shaharom T.M. Sulaiman, 1997) merumuskan bahawa Pendekatan Tauhid di dalam pengurusan dan pentadbiran bertujuan untuk memberi ukuran yang universal dan memberi takrif dengan tepat sistem nilai yang harus diikuti oleh semua manusia.

Asas pendekatan Tauhid ialah realiti kewujudan Allah yang Maha Esa, Pencipta, Pentadbir dan Penguasa alam semesta yang semuanya akan kembali kepada Nya; dan realitinya akhirat sebagai tempat perhitungan terakhir. Pentadbiran dalam Islam adalah terbit dari punca-punca syariah Islam itu sendiri, yang terdiri dari Quran dan Hadis selain dari amalan orang-orang Islam yang terdahulu. Oleh yang demikian nilai-nilai Islam dalam pentadbiran maupun pengurusan tentunya datang dari ketiga-tiga punca tadi. Dalam hal ini adalah jelas bahawa nilai-nilai pengurusan dalam Islam termasuklah nilai-nilai yang diwahyukan. Sebaliknya nilai-nilai pengurusan dari barat kecuali yang diterima dari Islam atau agama lain adalah datang dari pemikiran manusia belaka. Hakikat ini jelas menunjukkan kelebihan nilai-nilai Islam itu sendiri (Syed Othman Alhabshi,1989). Seseorang pemimpin haruslah bersifat kasih sayang, lemah lembut dan adil dalam menjatuhkan sesuatu hukuman. Pemimpin juga hendaklah mengambil berat urusan rakyat, menasihati mereka apabila mereka melakukan kesalahan dan memberi semangat dan dorongan andainya mereka inginkan kejayaan (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991). Firman Allah yang bermaksud;

“ Dan rendahkanlah sayapmu (berhina dirilah) terhadap orang yang mengikutmu di antara orang-orang mukmin”.

(al-Syu'ara: 215)

dan Firmannya lagi yang bermaksud;

“Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang paling baik”.

(al-Nahl: 125)

Ketekunan adalah suatu sifat yang amat diperlukan oleh seseorang pekerja. Setiap pekerja akan dapat meningkatkan kecekapan masing-masing menjalankan tugas sekiranya mereka tekun (Shaharom T. M. Sulaiman, 1997). Rasulullah S.A.W. pernah bersabda bermaksud ;

“ Apabila sesuatu urusan(pekerjaan) diberikan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancurannya”

Dalam satu hadith lain riwayat Abu Hurairah, nabi bersabda:

Apabila amanah telah hilang bersedialah menunggu kedatangan hari kiamat. Lalu sahabat bertanya, bagaimana amanah itu boleh hilang? Jawab baginda: Apabila sesuatu tugas itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya dan ketika itu tunggulah kedatangan hari kiamat.

Berdasarkan beberapa ayat al Quran dan Hadis yang telah disebutkan di atas jelaslah kepada kita bahawa setiap mukmin itu mempunyai tugas-tugas tertentu, samaada ia mentadbir dalam jabatan kerajaan atau swasta. Semuanya memegang amanah dan

tanggungjawab yang akan disoal pada hari kiamat dan akan diperiksa bagaimana amanah itu dilaksanakan. Firman Allah yang bermaksud;

Dan katakanlah: bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaan itu.

(at-Taubah: 105)

Para pegawai kerajaan perlu sentiasa meningkatkan mutu profesionalisme mereka dengan mengikut berbagai bentuk kursus dalam perkhidmatan. Dengan cara ini mutu kemanusiaan dan kemahiran teknologi mereka akan meningkat. Cara ini akan memantapkan lagi jentera kerajaan (Ustaz Abdul Ghani Hj. Shamsuddin, 1996). Oleh kerana setiap pegawai awam merupakan pemimpin dalam peringkat-peringkat yang tertentu maka mereka perlu merealisasikan bakat pemimpin Islam yang hakiki seperti yang dituntut oleh Islam. Mereka perlu menjadi pemimpin yang bertaqwa dan soleh. Rasulullah pernah bersabda:

Barang siapa mengambil harta orang Islam (harta awam) dengan tangan kanannya Allah akan wajibkan ia masuk Neraka dan Allah haramkan ia masuk Syurga. Lalu seorang Sahabat bertanya : walaupun sedikit wahai Rasulullah? Beliau menjawab: walaupun sekadar sekerat kayu siwak.

(Hadith Riwayat Muslim)

2.3 Pendekatan Pengurusan Dalam Sukan

Chelladurai (1986) merumuskan bahawa pengurusan sukan terbahagi kepada empat fungsi iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan penilaian. Pengelolaan dan pengurusan sukan merupakan aspek penting dalam gerak kerja kokurikulum sekolah (Wee Eng Hoe, 1994). Sebarang pertandingan sukan boleh dijalankan dengan jayanya jika dikelola dan diuruskan dengan baik dan sempurna.

Sukan yang merupakan salah satu cabang kokurikulum merupakan satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang. Gerak kerja ini merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh itu aktiviti-aktiviti sukan perlulah di rancang, dilaksanakan dan diselenggara dengan sistematik dan berkesan (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, 1995). Pengurusan gerak kerja kokurikulum sekolah perlulah mencapai matlamat seperti yang dinyatakan dalam prakata, Falsafah Pendidikan Negara. Ia juga bergantung kepada antara lain keadaan setempat, kemudahan, peralatan, dan tenaga yang terdapat di sekolah itu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989).

Pengurusan pendidikan jasmani dan kesihatan yang berkesan adalah perlu di sekolah atau institusi pengajian tinggi jika matlamat yang telah ditetapkan hendak direalisasikan (Charles A. Butcher, 1975). Tegasnya lagi jika objektif keberkesanan pengurusan pendidikan jasmani dan kesihatan hendak dicapai, keharmonian perlu digalakkan dikalangan staf, kemudahan yang mencukupi disediakan, program dirancang dengan teliti dan dikemaskinikan dan kepimpinan perlu diadakan.

Mengikut Omardin Ashaari (1996), pengurusan sukan disekolah mestilah melibatkan semua kakitangan seperti guru dan bukan guru. Beban dan tanggungjawab dalam mentadbir program sukan sekolah akan diterima baik sekiranya kaedah pengelolaan kegiatan sukan itu dirancang dengan adil, teliti, kemas dan tersusun. Pengagihan tugas yang diberikan kepada guru-guru hendaklah berpandukan kepada kelayakan, bakat, kemampuan, minat, kesesuaian dan minat. Tugas-tugas perlulah dilaksanakan dengan sistematik dan tanpa cacat. Pengurus harus sedar bahawa pengurusan yang berjaya ialah dapat mewujudkan struktur organisasi yang adil, matlamat organisasi yang jelas difahami oleh ahlinya, adanya sifat keterbukaan serta wujud sifat bantu membantu di setiap peringkat di dalam organisasi. Malahan dapat menunjukkan sifat kepimpinan yang berkesan serta menilai sumbangan yang ahli berikan untuk perkembangan organisasi (Norhayati Ahmad dan Fauziah Noordin, 1994).

Peter Drucker (1988), menegaskan bahawa pengurusan yang berkesan hendaklah mengarahkan visi dan usaha semua pengurus ke arah satu halatuju yang sama. Mengikut ciri-ciri model tugas yang dikemukakan oleh Hackman dan Oldham dalam buku Stephen P. Robbins (1998) sesuatu tugas itu boleh dibahagikan kepada lima dimensi tugas yang utama iaitu;

1. Kepelbagaian kemahiran.

Ini bermaksud tugas itu perlulah mengandungi pelbagai aktiviti supaya pekerja itu dapat menggunakan pelbagai kemahiran dan bakat. Contohnya seperti setiausaha sukan sekolah.

2. Identiti tugas

Seseorang itu perlulah ditetapkan atau diterangkan dengan spesifik tugas yang perlu dilaksanakan.

3. Kepentingan tugas.

Tugas yang diberikan haruslah terdapat kesan ke atas kehidupan atau pekerjaan individu itu.

4. Autonomi

Pekerja diberi kebebasan dalam menjalankan tugas atau membuat keputusan.

5. Maklumbalas

Tugas yang telah dilaksanakan perlu dinilai dan mendapatkan maklumbalas supaya individu itu mengetahui keberkesanan pelaksanaannya.

(Mohd Nor Che Noh, 1984), menegaskan bahawa prinsip-prinsip asas berikut adalah perlu dalam merancang program sukan.

- a. Mengadakan aktiviti-aktiviti fizikal kepada semua murid dengan mengambil kira kebolehan, minat dan kehandak mereka.
- b. Mengajar murid berkerjasama dalam aktiviti sukan agar merasa seronok dan saling memahami

- c. Memasukkan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kecergasan fizikal, stamina, kekuatan kardiovaskular, kelenturan, kuasa dan ketangkasan.
- d. Mengadakan sukan yang kompetitif yang memerlukan pertimbangan serta-merta, kemahiran tinggi dan ketahanan fizikal.
- e. Memberi peluang menjadi pemimpin
- f. Membenarkan murid mencroka seperti menetapkan matlamat dan objektif sendiri.
- g. Meningkatkan hubungan sosial dikalangan murid.

Parkhouse dan Lapin (1977), telah menyenaraikan lima fungsi atau tugas yang perlu ada kepada pengurus sukan yang berjaya iaitu:

- i. Perancangan - pengurus yang berwibawa merancang bagaimana organisasi dan programnya boleh mnepati matlamat dan objektif senbaik mungkin.
- ii. Membuat keputusan dan penyelesaian masalah- isu-isu perlu ditangani dengan bijak, rational dan berobjektif.
- iii. Organisasi - pengurus itu hendaklah boleh mengurus dan menyusun organisasinya supaya tugas-tugas dijalankan dengan efisien.
- iv. Kawalan dan Penilaian semula - proses mengawal aktiviti organisasi supaya prestasi sebenar adalah selaras dengan jangkaan piawaian dan

matlamat organisasi. Penilaian semual perlu dibuat untuk menjaga organisasi supaya tetap berada dilandasan yang betul.

iv. Komunikasi - pengurus seharusnya boleh menyampaikan ide, pandangan dan pendapatnya tanpa celaru. Komunikasi yang jelas amat perlu untuk mendapatkan penghormatan, kedudukan dan halatuju.

Dua orang profesor pendidikan jasmani dan bekas pengarah sukan, Fuoss, D.E. dan Troppmann, R.J (1977), melihat fungsi-fungsi pengurusan bagi seorang pengarah sukan adalah seperti berikut;

- a. Perancangan dan belanjawan
- b. Pengorganisasian, penyelarasan dan komunikasi
- c. Arahan dan penurunan kuasa
- d. Pengawalan dan pelaporan
- e. Inovasi
- f. Pembentangan

Mengikut kajian yang dibuat oleh Athanasios Kreimadis (1997) ketidakcukupan, kekurangan latihan di dalam perancangan strategik menyebabkan pengarah-pengarah sukan kurang melibatkan diri didalam proses perancangan strategik. Seterusnya kajian oleh Athanasios Kreimadis (1997) terhadap perancangan strategik di dalam jabatan sukan pendidikan tinggi di “National Collegiate Athlete Association” di Amerika Syarikat mendapati lebih dari lapan puluh peratus terlibat dalam melaksanakan

aktiviti perancangan strategik seperti menentukan visi, misi, matlamat dan objektif, strategi jangka pendek dan jangka panjang dan penilaian prosedur.

Di Amerika Syarikat sukan sekolah dianggap sebagai fenomena sosial dan sukan di sekolah adalah sebahagian dari kurikulum pendidikan (Athanasios Laios, 1995). Guru-guru di sekolah telah di berikan berbagai peranan. Debra Balingger(1993) menyatakan terdapat tiga peranan guru yang ada hubungan dengan pelajar-pelajar iaitu guru sebagai jurutunjuk atau fasilitator, pengurus dan insan atau manusia. Guru-guru atau pendidik yang profesional perlu dibekalkan dengan program yang digubal khas untuk pendidikan (Jerome S. Arcaro, 1995). Salah satu dari kunci utama program yang berkualiti untuk pendidikan ialah sistem penilaian yang membolehkan pendidik mendokumentasikan dan menghebahkan nilai-nilai pendidikan untuk dikongsi oleh masyarakat.

Mengikut Salmi Mohd Sohod (1996),kualiti harus diurus. Jelasnya ia harus melibatkan setiap orang dalam proses itu dan diterapkan ke seluruh organisasi. Kegagalan untuk menepati keperluan dalam mana-mana bahagian rantaian kualiti mungkin berganda dan boleh menyebabkan masalah di tempat lain. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan, tekanan dari pihak kerajaan dan kehendak ekonomi untuk memajukan sekolah dengan berkesan dan efisien perancangan strategik adalah perlu bagi pengurusan sekolah (Jim Knight,1997).

Athanasios Laios(1995) dalam rencananya “Administrative responsibilities of the coach” menegaskan bahawa untuk seseorang jurulatih berjaya, beliau perlu ada dua

pengetahuan yang penting iaitu pengetahuan teknikal(kejurulatihan) dan pengetahuan pengurusan organisasi. Pengetahuan kejurulatihan termasuklah pengalaman sendiri, pertandingan, seminar, sijil-sijil dan pembacaan. Manakala pengetahuan pengurusan organisasi ialah perancangan (program), penyusunan, penempatan, kepimpinan dan kawalan. Untuk menguruskan program sukan dengan berkesan seseorang pengurus perlukan pengetahuan asas pengurusan kemudahan sukan(Marcia L. Walker,1997). Hal ini penting kerana dimana sukan itu wujud disitulah adanya kemudahan atau peralatan. Seterusnya beliau menegaskan bahawa peranan pengurus dan pentadbir sukan bergantung kepada tujuan, falsafah, misi, objektif dan matlamat organisasi itu.

Kenneth G. Tillman (1996) menyenaraikan beberapa perkara tentang tanggungjawab seorang pengurus sukan. Beliau perlulah menjalankan tugas-tugas seperti berikut;

- i. Menganjur dan menyelia keseluruhan program sukan.
- ii. Memilih, menyelia dan menilai kakitangan bawahan
- iii. Merancang belanjawan
- iv. Membeli dan memelihara peralatan dan kemudahan prasarana sukan
- v. Menyediakan kemudahan
- vi. Mengujudkan perhubungan awam yang baik
- vii. Mengadakan takwim perlawanan sukan atau permainan
- viii. Mengawal kewangan
- ix. Menguruskan pasukan untuk pertandingan
- x. Mengadakan skim latihan untuk atlet
- xi. Mengadakan rancangan jangka panjang

xii. Menggalakan dan memberi latihan kepada kakitangan sokongan

Mullin (1980) menegaskan bahawa terdapat tiga aspek yang unik tentang pengurusan sukan. Tiga aspek itu ialah pemasaran sukan, pengstrukturkan dan belanjawan organisasi sukan dan laluan kerjaya.

Larry Horrine(1995) menjelaskan jika terdapat masalah dalam pengurusan sukan seperti kekurangan jurulatih, kekurangan peralatan dan kemudahan serta tiada sokongan pihak sekolah dan masyarakat sekeliling maka satu penilaian yang mendalam perlu dilaksanakan. Pihak pengurus perlu memanggil satu mesyuarat jawatankuasa sukan bagi memantau kelemahan-kelemahan yang timbul.

Program sukan perlu digerakkan atas rasional bahawa kegiatan sukan merupakan sebahagian daripada pembangunan masyarakat. Di Amerika Syarikat pelajar diwajibkan terlibat dalam sukan dan permainan peringkat sekolah, peringkat negeri dan antarabangsa serta mengikuti kelas pendidikan jasmani (Athanasios Laios,1995). Dengan itu pihak berkuasa Amerika Syarikat memperuntukkan wang yang banyak untuk penyediaan kemudahan sukan. Amerika Syarikat merupakan salah sebuah negara yang cemerlang dalam bidang sukan.

Pentadbir dan pengurus sekolah perlulah merancang kegiatan sukan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan tujuan kegiatan kokurikulum. Tanggungjawab dan peranan guru serta pentadbir sekolah dalam melaksanakan kegiatan sukan adalah mengikut keperluan seperti sebagai pemudahcara,penyelia,pengurus, pemegang

amanah, jurulatih, pengajar dan pemerhati. Kadangkala tanggungjawab dan peranan ini merupakan gabungan sebahagian besar atau kesemua peranan di atas. Seorang guru perlulah berusaha menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang yang dipimpin untuk menjalankan peranan supaya lebih berkesan dan berjaya.

Perancangan yang efektif memerlukan pengetahuan, pemikiran yang logis serta tanggapan yang baik, (Wee Eng Hoe, 1994). Pengurus perlu membuat keputusan harian tentang bagaimana objektif yang ditetapkan itu boleh dicapai. Walaupun setiap orang guru atau jurulatih terlibat dalam perancangan terdapat perbezaan dari segi had dan keberkesanan perancangan. Kejayaan perancangan bergantung kepada kebolehan dan kesanggupan untuk merancang dengan berkesan.

BAB III

REKABENTUK KAJIAN DAN METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Perbincangan didalam bahagian ini merangkumi rekabentuk dan metodologi kajian yang digunakan. Perbincangan difokuskan kepada aspek-aspek berikut:

3.1 Definisi Operational

- i. Pengurusan Sukan
- ii. Sukan Sekolah
- iii. Perancangan
- iv. Penyertaan
- v. Kemudahan Sukan
- vi. Kepimpinan dan Pengelolaan
- vii. Keberkesanan

3.2 Kerangka Konseptual

3.3 Pembentukan Hipotesis

3.4 Jenis Kajian

3.5 Jangkamasa Kajian

3.6 Lokasi Kajian

3.7 Populasi dan Persampelan

3.7.1 Populasi

3.7.2 Persampelan

3.8 Instrumen kajian

3.9 Pengumpulan Data

3.10 Soal Selidik

3.11 Kajian Rintis

3.12 Kaedah Analisis Data

3.13 Rumusan Rekabentuk Kajian.

3.1 Definisi Operational

Dalam kajian ini beberapa istilah yang digunakan secara khusus diberikan pengertian menurut kehendak kajian dan dengan merujuk kepada beberapa penulisan.

3.1.1 Pengurusan Sukan

Pengurusan sukan merujuk kepada bagaimana seorang guru merancang, mengelola, menyelia, mengarah, melapor dan menguruskan belanjawan.

(Kenneth G. Tillman dan rakan-rakan, 1996)

3.1.2 Sukan Sekolah

Sukan sekolah bermaksud sukan yang disenaraikan dalam komponen gerak kerja kokurikulum seperti dalam buku panduan pengurusan gerak kerja kokurikulum sekolah menengah oleh Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.1.3 Perancangan

Perancangan merujuk kepada suatu matlamat yang mana meramalkan keadaan pada masa akan datang supaya dapat memaju dan

mengembangkan tindakan yang bakal diambil. Perancangan membantu pengurus sukan meluaskan lagi pandangan mereka dalam organisasi itu.

3.1.4 Penyertaan

Penyertaan bermaksud peluang-peluang yang diberikan kepada pelajar-pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

3.1.5 Kemudahan Sukan

Kemudahan dan peralatan yang disediakan bagi kegunaan aktiviti sukan gelanggang atau padang. Disamping tu tenaga guru sukan atau jurulatih perlu disediakan dalam melaksanakan aktiviti sukan.


3.1.6 Kepimpinan dan Pengelolaan

Kepimpinan dan pengelolaan merujuk kepada bagaimana pentadbir sukan memimpin dan mengelola aktiviti sukan yang telah dirancang.

3.1.7 Keberkesanan

Keberkesanan didalam kajian ini bermaksud sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya (Kamus Dewan).

3.2 Kerangka Konseptual



3.3 Pembentukan Hipotesis

Ho(1) : Perancangan jawatan pengurusan sukan tidak mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan.

Ho (2): Penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan sekolah tidak mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan sekolah.

Ho (3): Kepimpinan dan pengelolaan pengurus sukan sekolah tidak mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan sekolah.

Ho (4): Kemudahan sukan yang disediakan oleh sekolah tidak mempengaruhi keberkesanan pengurusan sekolah.

Ho (5): Pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia tidak
mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan sekolah.

3.4 Jenis Kajian

Kajian ini adalah kajian deskriptif yang berbentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud
(Mohd Majid Konting, 1990)

3.5 Jangkamasa Kajian

Kajian ini mengambil masa selama lima bulan. Sebulan diperlukan untuk urusan Surat-menyurat, persediaan bahan-bahan penulisan dan penyediaan alat ukur. Proses mengumpul data dan memproses data dijangka mengambil masa selama dua bulan. Penulisan kajian, pembentangan data dan menyiapkan buku laporan kajian dijangka mengambil masa selama dua bulan.

3.6 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di dua puluh buah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dalam negeri Perlis. Senarai sekolah yang terlibat adalah seperti berikut;

- a. Sek. Men. Syed Saffi.

- b. Sek. Men. Sanglang.
- c. Sek. Men. Syed Ahmad.
- d. Sek. Men. Dato Sheikh Ahmad.
- e. Sek. Men. Arau.
- f. Sek. Men. Agama Lelaki, Arau.
- g. Sek. Men. Agama Perempuan, Kangar.
- h. Sek. Men. Derma.
- i. Sek. Men. Syed Hasan.
- j. Sek. Men. Putra.
- k. Sek. Men. Perlis.
- l. Sek. Men. Syed Alwi.
- m. Sek. Men. Syed Sirajuddin.
- n. Sek. Men. Kuala Perlis.
- o. Sek. Men. Teknik, Kangar.
- p. Sek. Men. Teknik, Arau.
- q. Sek. Men. Raja Puan Muda Tengku Fauziah.
- r. Sek. Men. Dato Jaafar Hassan.
- s. Sek. Men. Tuanku Syed Putra.
- t. Maktab Rendah Sains Mara.

3.7 Populasi dan Persampelan.

3.7.1 Populasi

Populasi kajian terdiri dari guru-guru sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dalam negeri Perlis. Terdapat dua puluh satu buah

sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dalam negeri Perlis. Bilangan guru yang sedang bertugas di sekolah menengah dalam negeri Perlis ialah seramai 1347 orang (sumber dari Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, Bahagian Sekolah Menengah)

3.7.2 Persampelan

Pemilihan sampel dalam kajian ini ialah dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada setiap lapisan strata. Jumlah persampelan setiap lapisan strata adalah berlainan. Oleh itu pemilihan dilakukan secara berkadar (proportionate),(Uma Sekaran, 1984). Adalah dianggarkan sampel akan dipilih dengan kadar 20 % dari setiap strata yang ada.

Jumlah keseluruhan sampel yang dipilih ialah sebanyak 276 sampel.

(Rujuk Lampiran A)

3.8 Instrumen Kajian

Oleh kerana instrumen kajian yang sahah belum dibina maka pengkaji akan membina satu set instrumen kajian yang berbentuk soal- selidik dengan menggunakan kaedah skala Likert. Item-item yang akan dibina akan

berdasarkan kepada sumber-sumber rujukan dan kajian-kajian lepas. Dari segi keesahan kandungan soal selidik dan kebolehpercayaan pengkaji akan menggunakan ujian kebolehpercayaan Koefisien Alpha Cronbach. Tahap

kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima ialah jika $\text{Alpha} > 0.7$, (Sekaran 1992).

Ujian rintis akan dijalankan ke atas beberapa orang responden yang dipilih secara rawak. Dengan mengadakan ujian rintis pengkaji akan dapat mengenalpasti salah faham item soalan, kekaburan item soalan dan item-item yang menyimpang atau tidak relevan. Disamping itu pengkaji juga boleh menambah item-item soalan yang difikirkan perlu dan membuang item-item soalan menyimpang.

3.9 Pengumpulan Data

Pada fasa pertama pengkaji perlu memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) dengan kerjasama Sekolah Siswazah Universiti Utara Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru. Setelah permohonan diluluskan pengkaji perlu memohon kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Perlis untuk menjalankan kajian.

Peringkat fasa kedua pengkaji perlu membuat perancangan bagi mentadbir soal selidik. Setelah responden dikenalpasti soal selidik akan di edarkan melalui Setiausaha Sukan sekolah. Sebanyak 276 set soal selidik akan dihantar ke 20 buah sekolah menengah dalam negeri Perlis. Pengkaji akan memohon jasa baik setiausaha sukan untuk mengutip semula soal selidik yang telah

dijawab dalam masa dua minggu dan menyerahkan kepada pengkaji untuk di analisis.

3.10 Rekabentuk Soal Selidik

Instrumen yang digunakan ialah berbentuk soal selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Soalan-soalan soal selidik (Rujuk Lampiran A) yang digunakan adalah dibina daripada sumber-sumber rujukan dan kajian-kajian lepas menggunakan skala Likert atau skala berselang (Sekaran, 1992). Soal selidik dibahagikan kepada enam bahagian. Jumlah kesemua item yang perlu dijawab oleh responden adalah sebanyak 48 iaitu 7 soalan di bahagian A, 8 soalan untuk bahagian B, 9 soalan dalam bahagian C, 8 soalan dalam bahagian D, 8 soalan dalam bahagian E dan 8 soalan dalam bahagian F.

Bahagian A : Mengemukakan soalan mengenai demografi responden.

Soalan yang dikemukakan adalah mengenai jantina, umur, kelulusan, tempoh berkhidmat sebagai guru, tempoh berkhidmat di sekolah itu, pernah atau tidak mengikuti kursus pengurusan.

Bahagian B: Bahagian ini mengandungi soalan yang berkaitan dengan

perancangan sukan sekolah berkenaan. Responden perlu menjawab dengan membulatkan kod yang sesuai pada skala likert berbentuk lima mata seperti dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1

Senarai Skala Likert

Item	Skor
Sangat jarang	1
Jarang-Jarang	2
Tidak Pasti	3
Kerap	4
Amat Kerap	5

Bahagian C: Bahagian C pula mengandungi soalan-soalan untuk mengukur tentang penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan di sekolah . Responden diminta membulatkan kod yang sesuai pada skala Likert berbentuk lima mata seperti dalam jadual 3.2

Jadual 3.2

Senarai Skala Likert

Item	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Bahagian D : Bahagian ini adalah untuk mengukur prasarana sukan yang terdapat di sekolah itu. Responden diminta memilih kod yang sesuai berdasarkan kepada skala Likert yang diberikan seperti dalam jadual 3.3

Jadual 3.3

Senarai Skala Likert

Item	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Bahagian E : Bahagian E mengandungi soalan-soalan yang mengukur tentang aspek kepimpinan dan pengelolaan sukan di sekolah berkenaan. Responden diminta memilih skor-skor yang sesuai berdasarkan skala Likert yang disediakan seperti dalam jadual 3.4

Jadual 3.4

Senarai Skala Likert

Item	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Bahagian F : Bahagian F terdiri dari soalan-soalan yang mengukur tentang pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dijalankan di sekolah itu seperti dalam jadual 3.5. Responden diminta memilih kod yang sesuai berdasarkan skala Likert yang disediakan.

Jadual 3.5

Senarai Skala Likert

Item	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

3.11 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan di dua buah sekolah iaitu Sek. Men. Perlis dan Sek. Men. Putra untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam instrumen kajian. Sebanyak 40 responden akan dipilih secara rawak dari kedua-dua buah sekolah tersebut. Keesahan instrumen ditentukan berdasarkan keesahan kandungan, kesahan kriteria dan kesahan gagasan. Tahap kesahan instrumen ditentukan berdasarkan maklum balas yang diterima dari responden. Maklum balas yang diterima membantu penyelidik memurnikan item-item yang mempunyai maksud kurang jelas atau pembinaan semula struktur ayat yang tidak jelas. Tahap kebolehpercayaan dimensi dan instrumen boleh ditentukan dengan mengenal pasti nilai koefisien korelasi kebolehpercayaan Alpha (nilai Cronbach Alpha). Nilai Alpha Cronbach yang menghampiri 1 menunjukkan bahawa konsistensi kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Sekaran (1992), kebolehpercayaan yang kurang dari 0.60 adalah lemah, diantara 0.70 hingga 0.79 dianggap boleh diterima manakala yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik.

Jadual 3.6 menunjukkan koefisien kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi item-item yang terdapat dalam soal selidik. Analisis berkomputer item-item ini dibuat dengan menggunakan perisian Statistical Packages for the Sosial Science (SPSS) edisi 7.5.

Jadual 3.6

<i>Item</i>	<i>Alpha Cronbach</i>
<i>Perancangan Sukan Sekolah</i>	0.8150
<i>Penyertaan Pelajar</i>	0.7991
<i>Kemudahan dan Peralatan Sukan</i>	0.7972
<i>Kepimpinan dan Pengelolaan</i>	0.8887
<i>Pemilihan dan Latihan Sumber Tenaga Manusia</i>	0.8726

3.12 Analisis Data

Data yang diperolehi merupakan data primer kerana diperolehi dari soal soal selidik. Penganalisaan data bagi kajian ini akan menggunakan perisian “Statistical Packages for Sosial Science”(SPSS). Data-data akan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif, ujian-t, analisis varians, korelasi dan ujian khi kuasa dua. Analisis deskriptif digunakan bagi menerangkan tentang kekerapan,peratusan, min dan sisihan lazim untuk mengenalpasti tahap keberkesanan pengurusan sukan dengan pembolehubah tak bersandar.Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan diantara lima pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Ujian Khi Kuasa Dua akan digunakan untuk menguji hipotesis.

3.13 Rumusan Rekabentuk Kajian

Metodologi kajian ini dapat membantu pengkaji menganalisis dapatan-dapatan hasil daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Analisis dapatan itu pula boleh membantu pengkaji menjawab hipotesis yang telah direkabentuk di samping memenuhi keperluan objektif kajian.

BAB IV

HASIL KAJIAN

4.0 Pengenalan

Perbincangan di bahagian ini meliputi keputusan hasil kajian yang diperolehi daripada penganalisaan data yang dibuat. Antara keputusan itu seperti maklumat ujian kebolehpercayaan, maklumat demografi, maklumat penglibatan responden, maklumat faktor-faktor keberkesanan pengurusan sukan dan pengujian repotesis.

4.1 Maklumat Ujian Kebolehpercayaan

Daripada ujian *Realibity* yang dijalankan, diperolehi semua pembolehubah yang diuji mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu melebihi 0.84 dengan nilai bagi keseluruhan pembolehubah adalah 0.9522 (Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan bagi Pembolehubah di Ukur


Pembolehubah	n	BIL. ITEM	Alpha
Perancangan sukan	240	8	0.8839
Penyertaan pelajar	238	9	0.8584
Kemudahan peralatan	240	8	0.8467
Kepimpinan	242	8	0.8646
Sumber tenaga	243	8	0.8715
Keseluruhan	227	41	0.9522

4.2 Maklumat Demografi

Seramai 144 orang guru telah diambil sebagai sampel kajian ini. Daripada jumlah ini, didapati responden perempuan adalah lebih sedikit (52.0%) daripada responden lelaki (48.0%).


Sementara itu, jika dilihat dari segi kategori umur responden, diperhatikan lebih ramai responden yang berumur kurang dari 35 tahun, diikuti oleh kategori umur 36-40 tahun berbanding kategori umur lain (Rajah 4.1).

Rajah 4.1: Kategori Umur Responden




Di samping itu, jika dilihat dari segi taraf kelulusan akademik utama yang dipelopori oleh responden iaitu Ijazah, SPM dan Diploma (Rajah 4.2).

Rajah 4.2: Taraf Kelulusan Akademik Responden (Peratus)




Seterusnya, diteliti dari segi tempoh responden berkhidmat sebagai guru, didapati lebih ramai responden yang berkhidmat kurang dari 10 tahun berbanding dengan lain-lain tempoh (Rajah 4.3). Sementara itu, jika dibandingkan pula dengan tempoh responden berkhidmat di sekolah sekarang, diperolehi lebih separuh dari mereka yang berkhidmat kurang dari 5 tahun (Rajah 4.4).

Rajah 4.3: Tempoh Responden Berkhidmat Sebagai Guru



Rajah 4.4: Tempoh Perkhidmatan Responden di Sekolah Sekarang



4.3 Maklumat Mengenai Penglibatan Responden dalam Aktiviti Sekolah

Di bahagian ini, penyelidik membincangkan mengenai penglibatan responden dalam aktiviti sekolah seperti mengikuti kursus sukan dan terlibat dalam jawatankuasa gerak kerja ko-kurikulum sekolah. Di samping itu, penyelidik juga cuba membanding aspek tersebut dengan faktor demografi responden.

Hasil dari keputusan kajian mendapati tidak ramai responden yang mengikuti kursus sukan, iaitu hanya 21.0% sahaja berbanding 79.0% lagi tidak pernah mengikuti kursus sukan. Namun begitu, jika dilihat dari aspek penglibatan responden dalam

jawatankuasa gerak kerja ko-kurikulum sekolah diperolehi lebih dari separuh (59.1%) responden terbabit dengan aktiviti tersebut berbanding 40.9% tidak terbabit.

Seterusnya, di bahagian ini penyelidik menggariskan mengenai perbezaan di antara aspek responden pernah mengikuti kursus sukan dan penglibatan dalam gerak kerja ko-kurikulum sekolah dengan faktor demografi. Berdasarkan kepada ujian *crosstab* (Lampiran) didapati hanya dua faktor sahaja (jantina dan kelulusan akademik) mempunyai perbezaan yang signifikan dengan faktor pernah mengikuti kursus sukan manakala lain-lain faktor tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa dari segi jantina diperolehi lebih ramai lelaki yang pernah mengikuti kursus sukan berbanding dengan perempuan. Manakala dari segi kelulusan akademik pula diperhatikan responden dari kelulusan diploma lebih ramai yang pernah mengikuti kursus sukan (Jadual 4.2).

Sementara itu, bagi aspek penglibatan responden dalam jawatankuasa gerak kerja ko-kurikulum pula hanya satu faktor sahaja iaitu kelulusan akademik yang mempunyai perbezaan yang signifikan. Dapatan ini memaparkan bahawa responden berkelulusan ijazah lebih ramai yang terbabit dengan jawatankuasa gerak kerja ko-kurikulum sekolah (Jadual 4.2).

**Jadual 4.2: Perbandingan di antara Aspek Responden Pernah
Mengikuti Kursus Sukan dan Penglibatan dalam
Jawatankuasa Gerak Kerja Sekolah dengan Faktor Demografi**

Faktor	Pernah mengikuti kursus sukan (Frekuensi & Peratus)	
	Ya	Tidak
Jantina		
Lelaki	33 (64.7)	84 (43.8)
Perempuan	18 (35.3)	108 (56.3)
Kelulusan Akademik		
SPM	15 (29.4)	53 (20.0)
STPM	6 (11.8)	34 (14.7)
Diploma	16 (31.4)	40 (12.6)
Ijazah	14 (27.5)	109 (50.0)
Sarjana	-	5 (2.6)
Faktor	Penglibatan Dalam Jawtankuasa Gerak Kerja Sekolah (Frekuensi & Peratus)	
	Ya	Tidak
Kelulusan Akademik		
SPM	4 (29.1)	12 (12.2)
STPM	19 (13.5)	15 (15.3)
Diploma	30 (21.3)	10 (10.2)
Ijazah	47 (33.3)	60 (61.2)
Sarjana	4 (2.8)	1 (1.0)

4.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengurusan Sukan

Di bahagian ini, penyelidik mendedahkan mengenai faktor-faktor paling utama yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan. Faktor-faktor yang dipilih adalah berdasarkan kepada pemilihan yang dibuat oleh responden yang di utarakan dalam soal selidik. Keputusan hasil kajian seperti yang diperolehi di Jadual 4.3 menunjukkan bahawa faktor kepimpinan dan pengelolaan adalah merupakan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan. Ini diikuti oleh faktor penyertaan pelajar, faktor sumber tenaga manusia dan lain-lain faktor.

**Jadual 4.3: Ranking Faktor-faktor Utama yang Mempengaruhi Keberkesanan
Pengurusan Sukan**

FAKTOR	Min	Sisihan Piawai	Rank
Kepimpinan dan pengelolaan	3.58	0.62	1
Penyertaan pelajar	3.56	0.60	2
Sumber tenaga manusia	3.52	0.68	3
Faktor kemudahan	3.45	0.60	4
Perancangan sukan	3.34	0.71	5

4.4.1 Faktor Kepimpinan dan Pengelolaan

Faktor kepimpinan dan pengelolaan telah dikenalpasti sebagai faktor paling utama yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan. Di bahagian ini, penyelidik cuba mengenalpasti item-item dalam faktor tersebut yang mana paling penting. Hasil kajian menunjukkan item aktiviti sukan menggalakkan perkembangan kepimpinan menjadi item paling utama yang di pilih oleh responden, di ikuti oleh ite-item lain seperti yang di tunjukkan olej jadual 4.4 .

Jadual 4.4: Ranking Item-item dalam Faktor Kepimpinan dan Pengelolaan

FAKTOR	Min	Sisihan Piawai	Rank
Perkembangan kepimpinan (KP2)	3.78	0.85	1
Pakaian kemas (KP6)	3.75	0.86	2
Mesyuarat (KP5)	3.73	0.80	3
Buku panduan (KP1)	3.71	0.76	4
Pengelolaan aktiviti sukan (KP4)	3.57	0.85	5
Penglibatan guru-guru (KP8)	3.45	0.90	6
Pencerian pelajar (KP3)	3.35	0.89	7
Penglibatan pentadbir (KP7)	3.33	0.95	8

4.4.2 Faktor Penyertaan Pelajar

Sementara itu, Jadual 4.5 pula menerangkan ranking item-item dalam faktor penyertaan pelajar. Di sini, diperhatikan faktor penghargaan diberi kepada murid-murid yang cemerlang adalah sangat penting berbanding faktor lain.

Jadual 4.5: Ranking Item-item dalam Faktor Penyertaan Pelajar

FAKTOR	Min	Sisihan Piawai	Rank
Penghargaan diberi (PP5)	4.14	0.74	1
Penglibatan ketua/pengikut pelajar (PP9)	3.82	0.73	2
Kedatangan dicatat (PP6)	3.78	0.82	3
Murid berminat (PP2)	3.61	0.90	4
Murid bersedia dan bersemangat (PP4)	3.45	0.99	5
Kedatangan murid menggalakkan (PP1)	3.43	0.98	6
Halangan ibu bapa (PP8)	3.38	0.94	7
Berpakaian kemas (PP3)	3.25	0.99	8
Galakkan ibu bapa (PP7)	3.23	0.74	9

4.4.3 Faktor Pemilihan dan Latihan Sumber Tenaga Manusia

Seterusnya Jadual 4.6 melaporkan tentang faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia. Di sini diperolehi hubungan rapat dengan guru merupakan item paling penting. Ini di ikuti oleh penyelaras sukan berwibawa, suasana kerja dan lain-lain item.

Jadual 4.6: Ranking Item-item dalam Faktor Pemilihan dan Latihan Sumber Tenaga Manusia

FAKTOR	Min	Sisihan Piawai	Rank
Hubungan rapat guru-guru (S8)	3.89	0.92	1
Penyelaras sukan berwibawa (S1)	3.67	0.88	2
Suasana kerja (S7)	3.64	0.89	3
Kebolehan guru-guru (S2)	3.59	0.87	4
Pengetua dan guru (role-model) (S4)	3.42	0.93	5
Barisan guru-guru berkebolehan (S5)	3.41	0.93	6
Guru-guru diberi penghargaan (S6)	3.27	1.01	7
Guru-guru diberi kursus dan latihan (S3)	3.24	1.00	8

4.4.4 Faktor Kemudahan dan Peralatan Sukan

Keputusan kajian seperti di Jadual 4.7 memaparkan item-item dalam faktor kemudahan dan peralatan sukan. Di sini, diperhatikan bahawa penyediaan bilik sukan dan stor sukan adalah sangat-sangat diperlukan di samping lain-lain kemudahan.

Jadual 4.7: Ranking Item-item dalam Faktor Kemudahan dan Peralatan Sukan

FAKTOR	Min	Sisihan Piawai	Rank
Bilik sukan/ stor sukan(K7)	4.10	0.73	1
Petugas menyelaras (K4)	3.53	0.88	2
Alat pertolongan kecemasan(K8)	3.45	0.98	3
Penyelenggaraan peralatan(K2)	3.40	0.90	4
Stok sukan dikemaskini(K)	3.38	0.85	5
Kemudahan mencukupi (K)	3.37	0.96	6
Penggunaan peralatan direkod (K)	3.25	0.84	7
Alatan rosak diasingkan (K)	3.22	0.81	8

4.4.5 Faktor Perancangan Sukan

Faktor perancangan sukan dikenalpasti sebagai faktor terakhir yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan sukan. Di bahagian ini, penyelidik cuba mengenalpasti item-item dalam faktor tersebut yang paling penting. Hasil kajian menunjukkan item

penyediaan kalender sukan tahunan dikenalpasti sebagai item penting, diikuti oleh aktiviti sukan dirancang dan lain-lain item seperti di Jadual 4.8.

Jadual 4.8: Ranking Item-item dalam Faktor Perancangan Sukan

ITEM	Min	Sisiha n Piawai	Rank
Kalender Sukan Tahunan (P2)	3.64	0.96	1
Aktiviti Sukan Dirancang Selari (P7)	3.48	0.96	2
Perancangan Sukan Selaras dengan Perubahan (P4)	3.47	0.95	3
Visi dan Misi Jelas (P3)	3.34	0.90	4
Perbincangan Pengetua dan Ahli (P1)	3.32	0.92	5
Penilaian Dibuat (P8)	3.23	0.99	6
Terdapat Plan Jangka Pendek (P6)	3.15	0.99	7
Terdapat Sistem Dokumentasi (P5)	3.08	0.91	8

4.4.6 Kebergantungan Antara Faktor-Faktor Dalam Penentuan Keberkesanan Pengurusan Sukan

Di bahagian ini penyelidik cuba mengkaji kekuatan hubungan atau kebergantungan di antara satu faktor dengan faktor lain dalam penentuan keberkesanan pengurusan sukan. Bagi melihat keadaan ini penyelidik telah menjalankan ujian korelasi di antara faktor-faktor. Keputusan ujian seperti yang di paparkan di Jadual 4.9 menunjukkan bahawa wujud kebergantungan di antara satu sama lain. Contohnya bagi faktor perancangan sukan dan penyertaan pelajar, nilai korelasi yang diperolehi adalah 0.533 ($p > 0.01$). Ini menunjukkan kedua-dua faktor tersebut mempunyai hubungan yang kuat atau saling bergantung antara satu sama lain.

Jadual 4.9 : Ujian Korelasi Di Antara Faktor-Faktor Yang Di Uji

Faktor	P	PP	K	KP	S
Perancangan Sukan (P)	-	0.533	0.619	0.576	0.633
Penyertaan Pelajar (PP)		-	0.521	0.565	0.482
Kemudahan (K)			-	0.671	0.687
Kepimpinan (KP)				-	0.762
Sumber Tenaga (S)					-

Semua $p < 0.01$

4.5 Pengujian Hipotesis

4.5.1 Pengenalan

Di bahagian ini, penyelidik mengutarakan dan memaparkan ujian-ujian hipotesis seperti yang dicadangkan dalam bab satu. Bagi menguji hipotesis, penyelidik telah menjalankan ujian *One Sample T test*. Ujian ini dijalankan untuk memastikan sama ada hipotesis alternatif (H_a) diterima atau ditolak. Bagi mengukur hipotesis ini, aras keertian 0.05 (95%) telah dipilih. Penerimaan atau penolakan hipotesis alternatif adalah berdasarkan kepada aras keertian ini. Sekiranya nilai sig. atau p. yang diperolehi daripada ujian *One Sample T test* adalah lebih besar dari 0.05 maka hipotesis alternatif (H_a) akan ditolak dan hipotesis null (H_o) akan diterima. Sebaliknya jika nilai sig. atau p. yang diperolehi dari ujian *One Sample T test* adalah lebih kecil dari aras keertian (0.05) maka H_a diterima dan H_o ditolak.

4.5.2 Pengujian Hipotesis 1

H_o : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor perancangan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

H_a : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor perancangan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Bagi menguji hipotesis ini, penyelidik telah menjalankan ujian *One Sample T test*. Daripada ujian yang dijalankan ini, diperolehi nilai sig. adalah 0.000 (Jadual 4.10). Nilai ini adalah lebih kecil dari nilai aras keertian yang dipilih (0.05). Maka dengan itu, hipotesis alternatif (H_a) diterima dan hipotesis null (H_o) ditolak. Kesimpulannya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor perancangan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Jadual 4.10: Ujian *One Sample T test* Bagi Faktor Perancangan Sukan

	n	Min	Sisihan piawai	t	p
Perancangan Sukan	244	3.34	0.71	73.869	0.000

4.5.3 Pengujian Hipotesis 2

H_o : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor penyertaan pelajar dengan keberkesanan pengurusan sukan.

H_a : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor penyertaan pelajar dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Seterusnya bagi menjawab hipotesis kedua, penyelidik sekali lagi menjalankan ujian *One Sample T test*. Tujuannya adalah untuk membuat keputusan samada menerima atau menolak H_a . Dari ujian tersebut, didapati nilai sig. adalah 0.000 (Jadual 4.11). Nilai ini adalah lebih kecil dari nilai aras keertian. Keputusannya, hipotesis alternatif (H_a) diterima dan hipotesis null (H_o) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penyertaan pelajar dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Jadual 4.11: Ujian *One Sample T test* Bagi Faktor Penyertaan Pelajar

	n	Min	Sisihan piawai	t	p
Penyertaan Pelajar	244	3.56	0.59	93.510	0.000

4.5.4 Pengujian Hipotesis 3

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemudahan dan peralatan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemudahan dan peralatan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Jadual 4.12 di bawah memaparkan keputusan ujian *One Sample T test* bagi mengukur hipotesis ketiga. Hasil dari ujian yang dijalankan ini, diperhatikan nilai sig. adalah 0.000 (Jadual 4.12). Nilai ini adalah lebih rendah dari nilai aras keertian yang dipilih (0.05). Dengan itu, hipotesis alternatif (Ha) diterima dan hipotesis null (Ho) ditolak. Keputusannya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor kemudahan dan peralatan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Jadual 4.12: Ujian *One Sample T test* Bagi Faktor Kemudahan dan Peralatan Sukan

	n	Min	Sisiha n piawai	t	p
Kemudahan Peralatan	244	3.45	0.60	89.465	0.000

4.5.5 Pengujian Hipotesis 4

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepemimpinan dan pengelolaan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepemimpinan dan pengelolaan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Bagi menguji hipotesis keempat, penyelidik juga menjalankan ujian *One Sample T test*. Keputusan ujian seperti yang dicatatkan di Jadual 4.13 menunjukkan nilai sig. adalah 0.000 (Jadual 4.10). Nilai ini adalah lebih rendah dari 0.05. Oleh itu, hipotesis alternatif (Ha) diterima dan hipotesis null (Ho) ditolak. Kesimpulannya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor kepemimpinan dan pengelolaan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Jadual 4.13: Ujian *One Sample T test* Bagi Faktor Kepimpinan dan Pengelolaan

	n	Min	Sisiha n piawai	t	p

Kepimpinan dan Pengelolaan	244	3.58	0.62	90.930	0.000
----------------------------	-----	------	------	--------	-------

4.5.6 Pengujian Hipotesis 5

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan.

Akhir sekali penyelidik menjalankan ujian *One Sample T test* untuk melihat hubungan antara faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan. Daripada ujian yang dijalankan itu, sekali lagi diperolehi nilai sig. adalah 0.000 (Jadual 4.14). Nilai ini adalah lebih kecil dari nilai aras keertian yang dipilih (0.05). Maka dengan itu, hipotesis alternatif (Ha) diterima dan hipotesis null (Ho) ditolak. Keputusan dari ujian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara antara faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan sukan.

**Jadual 4.14: Ujian *One Sample T test* Bagi Faktor Pemilihan dan Latihan
Sumber Tenaga Manusia**

	n	Min	Sisiha n piawai	t	p
Sumber Tenaga Manusia	244	6.52	0.68	81.104	0.000

4.6 Kesimpulan

Keputusan-keputusan yang di perolehi di bab ini memaparkan beberapa penemuan penting. Penemuan-penemuan ini akan di bincangkan pada bab seterusnya. Keputusan keputusan yang di perolehi ini adalah berdasarkan kepada sampel yang di ambil daripada lokasi yang di pilih. Oleh itu jika berlaku sebarang percanggahan pendapat atau keputusan yang berbeza, penyelidik mengandaikan ini sebagai satu batasan kajian. Penyelidik berharap kajian ini di jadikan sebagai panduan untuk penyelidik akan datang.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Di bahagian ini penyelidik menggariskan beberapa penemuan yang di anggap penting. Disamping itu cadangan-cadangan yang di rasakan relevan turut di ketengahkan oleh penyelidik.

5.1 Kesimpulan

Di bawah penyelidikan menyenaraikan beberapa kesimpulan penting;

5.1.1 Dapatan kajian menunjukkan tidak ramai responden mengiatkan diri dalam kegiatan aktiviti sekolah. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada penemuan kajian yang menunjukkan hanya 21.0% sahaja responden pernah mengikuti kursus sukan. Manakala 59.1% responden lagi mengatakan mereka pernah terbabit dengan jawatankuasa gerak kerja kokurikulum sekolah. Peratusan yang di dapati ini bukanlah berada di tahap yang membanggakan.

5.1.2 Di samping itu, hasil kajian juga mendapati kurang pembabitan responden perempuan. Umpamanya dari segi mengikuti kursus sukan yang mana hanya 35.3% sahaja responden perempuan yang pernah mengikuti kursus sukan.

5.1.3 Seterusnya penemuan kajian memaparkan responden yang pernah mengikuti kursus sukan adalah lebih ramai datangnya dari lulusan Diploma, sedangkan kebanyakan responden adalah terdiri daripada lepasan ijazah.

5.1.4 Selain itu dapatan penting kajian menunjukkan faktor kepimpinan dan pengelolaan merupakan faktor penyumbang utama kepada keberkesanan pengurusan sukan. Ini di ikuti oleh faktor penyertaan pelajar,

faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia, faktor kemudahan peralatan dan akhir sekali faktor perancangan sukan.

5.1.5 Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa aktiviti sukan menggalakkan perkembangan kepimpinan pelajar. Sementara penghargaan yang di beri kepada murid di atas kecermelangan mereka adalah pendorong kepada penglibatan mereka dalam sukan. Manakala hubungan rapat dan kerjasama di antara guru-guru menguatkan lagi keberkesanan pengurusan sukan. Di tambah dengan penyediaan kemudahan dan peralatan sukan terutama dari segi kemudahan bilik sukan dan stor sukan mengukuhkan lagi keberkesanan sukan. Akhir sekali dengan penyediaan kalender sukan, perancangan ke atas aktiviti sukan akan dapat di buat dengan berkesan .

5.1.6 Hasil kajian juga turut memaparkan kebergantungan antara satu sama lain antara faktor-faktor dalam menentukan keberkesanan terhadap pengurusan sukan.

5.1.7 Akhir sekali dapatan dari pengujian hipotesis menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara faktor kepimpinan dan pengelolaan, faktor penyertaan pelajar, faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia, faktor kemudahan peralatan dan akhir sekali faktor perancangan sukan dengan keberkesanan pengurusan sukan.

5.2 Cadangan

Cadangan-cadangan adalah seperti di berikut;

5.2.1 Pihak sekolah atau kementerian haruslah lebih banyak mengadakan kursus dan latihan terutamanya dari aspek kokurikulum dan sukan agar ianya dapat di sertai oleh guru-guru. Guru-guru pula hendaklah mengambil peluang dan inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan.

5.2.2 Selain dari itu pihak kementerian atau sekolah juga harus mewujudkan peraturan yang menetapkan semua guru-guru supaya terbabit dengan sebarang aktiviti yang di anggap berguna kepada mereka.

5.2.3 Semua guru-guru pula adalah di harapkan sama-sama merebut peluang yang ada tidak mengira pangkat atau tahap kelulusan mereka.

5.2.4 Guru-guru juga di harapkan berkerjasama di antara satu sama lain dalam menjayakan sebarang aktiviti yang di anjurkan oleh pihak sekolah.

5.2.5 Di samping itu guru-guru atau pihak sekolah juga haruslah mengambil berat akan semua faktor seperti faktor kepimpinan dan pengelolaan, faktor penyertaan pelajar, faktor pemilihan dan latihan sumber

tenaga manusia, faktor kemudahan peralatan dan akhir sekali faktor perancangan sukan kerana faktor-faktor ini berhubungkait antara satu sama lain. Akan tetapi penumpuan boleh di berikan kepada faktor-faktor yang di anggap penting seperti faktor kepimpinan dan pengelolaan.

5.2.6 Seterusnya penghargaan hendaklah di beri kepada murid yang cemerlang kerana ianya memberi pendorong kepada mereka.

5.2.7 Pihak sekolah juga hendaklah menyediakan kemudahan dan peralatan sukan yang mencukupi terutama dari segi kemudahan bilik sukan dan stor sukan.

5.2.8 Penyediaan kalender sukan juga didapati perlu untuk tujuan perancangan ke atas aktiviti sukan oleh itu pihak sekolah hendaklah mengambil berat akan hal ini.

5.2.9 Akhir sekali penyelidik mencadangkan agar pihak sekolah mengkaji dan menilai kesemua faktor-faktor ini (faktor kepimpinan dan pengelolaan, faktor penyertaan pelajar, faktor pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia, faktor kemudahan peralatan dan akhir sekali faktor perancangan sukan). Jika berlaku sebarang kekurangan atau kelemahan di sekolah mengenai faktor-faktor tersebut pihak sekolah haruslah memperbaikinya.

5.3 Rumusan

Sesungguhnya keberkesanan atau kejayaan satu-satu matlamat adalah bermula di tahap awal. Oleh itu segala perancangan, kemaskini dan penilaian hendaklah di lakukan dari masa kesemasa. Apa-apa yang diperolehi dan berguna jika tidak di ketengahkan, akan hilang begitu sahaja. Oleh itu keputusan kajian ini adalah di harapkan dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan ianya tidak di jadikan sebagai simpanan semata-mata.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Alim Abdul Rahim, (1994). **Pengurusan Kokurikulum**, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Abd. Aziz Abd. Rahman. (1994). **Falsafah dan Teknik Pengurusan**. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Abd. Razak Bin Hashim. (1993). **Persepsi Guru-Guru Terhadap Kepimpinan Guru Besar Sekolah-Sekolah Rendah Negeri Perlis**. Thesis M. Sc(Mgmt).Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Shukor Abdullah. (1993). **Membina Pengurusan Sekolah yang Berkesan: Pengurusan Setempat, 'Empowerment' dan Kepimpinan Sebagai Inisiatif Polisi**. Prosiding: Seminar nasional Ke 3, Pengurusan Pendidikan , hlm 97-103.
- Ahmad Atory Hussien. (1993). **Pengurusan Organisasi**, Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). **Pengurusan Dalam Islam**. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Arcaro,J.S. (1995). **Quality In Education**. Florida: St. Lucia Press.
- Aznan Bakar. (1999, April 16). **SBP. Sekolah Tentukan Calon Yang Layak**. Utusan Malaysia.

Azemi Bin Abu. (1997). **Kesedaran dan Persepsi Guru-Guru tentang TQM Di Dua Buah Sekolah Perintis ISO 9000**. Thesis M. Sc. (Mgmt).
Universiti Utara Malaysia.

Ballinger, D. A. (1993). **Becoming An Effective Physical Educator**. Physical Educator, Vol.50 Issue 1, p13.

Best, J.W. and Kahn, J.V. (1993). **Research In Education**. Seventh Edition.
Massachusetts: Allyn & Bacon.

Butcher C. A., (1975). **Administration of Health and Physical Education Program**, Sixth Edition, The C.V. Mosby Company, St Louis.

Chelladurai, P.(1985). **Sports Management, Macro Perspective**, Sports Dynamics, Victoria, B.C.

De Vries L.A. **The Role of Education, School Sports and Community in Malaysian Sports**. Konvensyen Sukan Kebangsaan. 11-13 April 1996.
Langkawi, Kedah.

Dewan Masyarakat, Februari, 1999.

Drucker, P.F., (1985), **Innovation And Entrepreneurship**, London, William Heinemann Ltd.

Fayol H., (1930), **Industrial and General Administration**, International Management Institute, Geneva.

Fuoss. D.E., and Troppmann.R.J., (1977), **Creative Management Techniques In Interscholastic Athletes**, John Wiley and Sons, New York.

Gulick, L., and Urwick,L., (1937), **Papers on the Science of Administration**, Institut of Public Administration. New York.

Hargreave,A. dan fullen M.G. (1992). **Understanding Teachers Development**. Teachers College Press, Columbia University, New York.

Hawthorne, J. dan Saredra,M. (1990). **Supervision of Employees**, MacMillan Educational Ltd. London.

Horine L. (1995). **Administration of Physical Education and Sports Program**. Third Edition. Dubuque: Brown & Benchmark.

Hussein b. Hj. Ahmad, (1993). **Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Hussein Mahmood. (1993), **Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah**. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Katz. R. L., (1974), **Skill of an Effective Administrator**, Harvard Business Review, 52, no 5. 90-102.

Knight, J. (1997). **Strategic Planning for School Managers**. London: Kogan Page Limited.

Kriemadis. A. (1997). **Strategic Planning In Higher Education Athletic Departments**. International Journal Of Educational Management, 11(6), 237-247.

Laios A. (1995). **Administrative Responsibilities of the Coach**. International Journal of Educational Management, vol 9 no 1. 10-12.

Laios A. (1995), **School versus Non-School Sports**. International Journal of Educational Management, vol 9 no 1. 4.9

Leedy, P.D. (1993). **Practical Research Planning & Design**. Fifth Edition. New York: MacMillan.

Lim T. E., (1986), **Pentadbiran Sekolah Dan Peranan Guru Besar**. Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid XXX, Keluaran 89, Jemaah Nazir.

Lunenberg, F.C. dan Ornstein, F.C. (1991). **Educational Administration, Concept And Practice**, Wadsworth Publishing Company, Belmont, California.

Malaysia, Kementerian Pendidikan.(1989) **Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah**.Bahagian Sekolah Sekolah.DBP. Kuala Lumpur

Malaysia, Kementerian Pendidikan, (1992). **Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mohamed Nor Che’Noh. (1996). **The Role of Sports for All in Malaysian Sports**. Konvensyen Sukan Kebangsaan, 11-13 April, Langkawi, Kedah.

Mohd. Zaki Abd. Rahman. (1996). **The Development of Sports Facilities Issues Related to Sports Facilities In Malaysia**. Konvensyen Sukan

Kebangsaan. 11 hingga 13 April, Langkawi, Kedah.

Mueller P.F., Reznik J.W., (1979). **Intramural-Recreational Sports, Preparing and Administration**, John Wiley & Sons, New York.

Norhayati Ahmad dan Fauziah Noordin. (1994). **Pengurusan Sumber Manusia**, Penerbit fajar bakti, Kuala Lumpur.

Omardin Ashaari, (1996). **Pengurusan Sekolah Satu Panduan Lengkap**, Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Omardin Ashaari. (1998). **Pengurusan Sukan**. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Ramlan Abd. Wahab. (1999, Februari). **Menilai Semula Pelaksanaan Kurikulum di Sekolah**. Dewan Masyarakat.

Reeves, T. (1994). **Managing Effectively**. Asian Edition. Oxford: Butterworth Heinemann Ltd.

Robbins, S.P., (1998). **Organizational Behavior, Concepts, Controversies & Application**, 8 th Edition, Prentice Hall, New Jersey.

Salmi Mohd Sohod. (1996). **Pengurusan Kualiti Menyeluruh**. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Sekaran, U. (1992). **Research Methods For Business**. Second Edition. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Shaharom T.M. Sulaiman. (1997). **Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia**, Thinkers Library Sdn. Bhd. Selangor.

Stotlar. D.K. (1997). **Sport Facility Management**, Jones and Bartlett Publishers, Sudbury, Massachusetts.

Sulaiman Ngah Razali. (1991). **Penggunaan Statistik dalam Penyelidikan Pendidikan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Othman Alhabshi. (1989). **Islam, Ekonomi dan Pengurusan**, Penerbit Hizbi, Shah Alam, Selangor.

Taylor, F.W., (1947). **Scientific Management**, Harper and Brother, New York.

Tillman, K.G., Voltmer, E.F., Esslinger, A.A., McCue, B.F., (1996). **The Administration of Physical Education, Sports, Leisure Programs**. Sixth Edition. Allyn and Bacon. Massachusetts.

Walker, M.L. (1997). **The Planning, Design, Contruction and Management Process**, Jones and Bartlett Publishers, Sudbury, Massachusetts.

Wan Azmi Ramli. (1994). **Pengurusan Masa Kini**. Edisi Empat. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, (1993). **Wawasan Pendidikan**, Agenda Pengisian, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.

Wee Eng Hoe. (1994). **Organisasi dan Pentadbiran Sukan dan Pendidikan Jasmani**. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Yusof Ismail. (1991). **Mengurus Secara Islam**, A.S.NoorDeen, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN

Reliability

***** Method 1 (space saver) will be used for this analysis *****

Keseluruhan

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 227.0

N of Items = 41

Alpha = .9522

Perancangan sukan

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 240.0

N of Items = 8

Alpha = .8839

Penyertaan Pelajar

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 238.0

N of Items = 9

Alpha = .8584

kemudahan Peralatan sukan

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 240.0

N of Items = 8

Alpha = .8467

Kepimpinan dan Pengelolaan

RELIABILITY ANALYSIS - SCALE (ALPHA)

Reliability Coefficients

N of Cases = 242.0

N of Items = 8

Alpha = .8646

Sumber Tenaga Manusia

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 243.0

N of Items = 8

Alpha = .8715

Frequency Table

JANTINA

